

## **FORMAT PENULISAN KERTAS KONSEP LRGS**

Kertas konsep yang dikemukakan hendaklah merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

**1. Ringkasan Eksekutif**

**2. Latar Belakang dan Rasional Kertas Konsep LRGS**

Menyediakan kertas konsep yang bersifat teori/asas saintifik untuk mengukuhkan kertas konsep program penyelidikan. Program penyelidikan yang dikemukakan harus menjawab kepada persoalan-persoalan mengenai penyelidikan yang bersifat fundamental. Nyatakan juga jangkaan sumbangan hasil penyelidikan kepada pembangunan pengetahuan saintifik secara global dan juga keberkesanannya kepada Penyelidikan dan Pembangunan.

**3. Deskripsi Program Penyelidikan**

Menyediakan rangka pelan pelaksanaan program penyelidikan. Nyatakan secara ringkas mengenai projek-projek di bawah program. Nyatakan bagaimana untuk menguruskan kepelbagaiaan disiplin dan institusi bagi memastikan projek-projek di bawah program menyumbang kepada hasil program secara keseluruhannya.

Senaraikan kelengkapan makmal sedia ada untuk tujuan penyelidikan.

**4. Kaedah Penyelidikan**

Tunjukkan kaedah penyelidikan/teknik yang akan digunakan. Tunjukkan bagaimana kaedah yang dipilih boleh menghasilkan data yang berkualiti dengan mengambil kira kebolehpercayaan dan kesahihan data. Kemukakan juga teknik penyelidikan baru yang akan diperoleh sebagai sebahagian daripada pelaksanaan program. Nyatakan secara ringkas kaedah statistik yang akan digunakan.

**5. Bukti Kekuatan (*track record*) Kumpulan Penyelidik**

Nyatakan bukti kekuatan (*track record*) untuk lima (5) tahun yang terkini seperti *scival-spotlight*, *h-index*, sitasi penyelidikan terdahulu (yang berkaitan sahaja) dan sebagainya.

**6. Jangkaan Hasil/Output**

Nyatakan jangkaan hasil/output daripada program seperti bilangan pelajar PhD, bilangan penerbitan, teknologi baru dan sebagainya.

**7. Bajet dan Tempoh Permohonan**

**Nota Penting:**

- i. Kertas konsep hendaklah **tidak melebihi 5 muka surat**.
- ii. Bukti-bukti kekuatan (*track record*) kumpulan untuk tempoh 5 tahun terkini hendaklah disertakan semasa sesi pembentangan kepada panel.